



## PEDOMAN EJAAN JAWI Bersama Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor



# Penulisan Partikel

Ramai yang masih keliru tentang cara penulisan partikel dalam ejaan Jawi. Sebenarnya kaedah penulisan partikel dalam ejaan Jawi adalah sama seperti yang digunakan dalam sistem ejaan Rumi. Ada yang dieja bersambung dengan kata sebelumnya dan ada juga yang dieja terpisah bergantung kepada fungsi partikel tersebut. Berikut diterangkan kaedah penulisan partikel di dalam sistem ejaan Jawi.

1. Partikel *lah* ( له ), *kah* ( كه ) dan *tah* ( ته ) ditulis bersambung dengan kata yang ada di depannya. Contohnya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
اداله	adalah	تولوغله	tolonglah
سمبوتله	sambutlah	بريله	berilah
افاكه	apakah	كنافاكه	kenapakah
قرنهكه	pernahkah	سوديكه	sudikah
بيلاكه	bilakah	بيلاته	bilatah

2. Partikel *pun* ( فون ) ditulis dengan dua cara yang berikut:

(i) Kata *pun* yang berfungsi sebagai kata tugas yang bererti 'juga' ditulis terpisah daripada kata yang ada di sampingnya. Contohnya:

1	اف ٢ فون بڠ دماكنش، اي تتف كوروس
2	جك ايه فرني، اديق فون ايغين فرني
3	رمبوتش فون تيدق برسيتك

(ii) Ada beberapa perkataan yang telah ditetapkan ejaannya supaya ditulis serangkaian dengan partikel *pun*. Antaranya:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi	Ejaan Jawi	Padanan Rumi
ادافون	Adapun	اتافون	Ataupun
والاوقون	Walaupun	بڠايماناوقون	Bagaimanapun
بيارقون	Biarpun	كالاوقون	Kalaupun
كندايقون	Kendatipun	لاكيقون	Lagipun
ماهوقون	Mahupun	مسكيقون	Meskipun
سكاليقون	Sekalipun	سو غكو هوقون	Sungguhpun

# Dialog Bahasa 2007

Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (PEKASA) dengan kerjasama Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak menganjurkan Dialog Bahasa pada 13 Julai 2007 bertempat di Balai Budaya DBP Cawangan Sarawak.

Matlamat dialog ini adalah untuk membincangkan dan merumuskan isu bahasa dan sastera terutama perkembangan bahasa dan sastera di Sarawak khususnya dan di Malaysia amnya.

Tiga orang ahli panel yang diundang khas ialah Tan Sri Emeritus Datuk Pendeta Dr. Haji Ismail Hussein, Ketua Satu GAPENA, YB Haji Fadillah Haji Yusof, Ahli Parlimen P.149 Petra Jaya merangkap Penaung PEKASA dan Datuk A. Aziz Deraman, Ahli Jawatankuasa Tertinggi GAPENA,

yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. Zainal Abidin Borhan, Pengarah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya merangkap Setiausaha Satu GAPENA.

YB Fadillah Yusof dalam ucapan perasmianya menekankan betapa pentingnya perjuangan berterusan dalam mendaftarkan bahasa kebangsaan. Tegasnya, "generasi muda harus memahami perjuangan

ahli bahasa yang terdahulu dan meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam urusan seharian". Agensi kerajaan seperti DBP, badan bukan kerajaan seperti persatuan penulis dan pihak swasta harus

## PEDOMAN BAHASA Bersama Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim



# Kata Adjektif dan Darjah Penghabisan

Dalam bahasa Melayu terdapat tiga darjah perbandingan pada kata adjektif, iaitu (i) darjah biasa (ii) darjah bandingan dan (iii) darjah penghabisan.

Bentuk perbandingan darjah biasa dan darjah bandingan tidak menimbulkan masalah. Contoh kata adjektif dalam bentuk biasa ialah **baik**, **pandai** dan **kurus**. Contoh darjah bandingan ialah **sebaik**, **sependai** dan **sekurus**, iaitu bandingan yang sama, atau **lebih baik**, **kurang pandai** dan **lebih kurus** bagi bandingan yang berbeza. Bentuk dengan awalan *se-* boleh juga digantikan oleh perkataan sama, misalnya **sama baik**, **sama pandai**, dan **sama kurus**.

Yang menimbulkan masalah ialah kata adjektif dalam bentuk darjah penghabisan. Salah satu sebabnya ialah kerana jumlahnya lebih besar daripada darjah-darjah lain.

Terdapat lima cara bagi menandakan kata adjektif darjah penghabisan. Yang pertama ialah gandingan awalan *se-* dengan kata adjektif yang mengalami penggantian, misalnya **sependai-pandai** dan **sebaik-baik**. Contoh penggunaan: **Sependai-pandai** tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah juga.

Cara yang kedua ialah dengan awalan *ter-*, misalnya **terpandai**, **terbaik** dan **terkurus**. Contoh penggunaannya: Ali pelajar **terbaik** dalam darjah itu.

Cara ketiga ialah dengan penanda darjah penghabisan **paling** yang sama makna dengan awalan *ter-*, misalnya **paling pandai**, **paling baik** dan **paling kurus**. Contoh penggunaan: Anita pelajar yang **paling pandai** dalam kumpulan itu.

Kata adjektif yang menerima penanda darjah penghabisan *ter-* dan **paling** boleh menerima kata penguat belakang **sekali**, misalnya **terbesar sekali** dan **paling besar sekali**. Perlu diingat bahawa *ter-* dan **paling** ialah penanda penghabisan dan hadir di hadapan kata adjektif, manakala **sekali** ialah kata penguat belakang. Semua ini, dihuraikan dalam *Tatabahasa Dewan* edisi semakan yang akan terbit tidak lama lagi.

Cara yang keempat bagi menandakan darjah penghabisan ialah dengan awalan *ter-* diikuti oleh kata penguat bebas **amat** dan **sangat**, misalnya **teramat (pandai)** dan **tersangat (baik)**. Contoh penggunaan: Yang **Teramat Mulia** Raja Muda turut berangkat.

Cara yang terakhir ialah bagi kata adjektif didahului kata penguat bebas **amat**, **sungguh** dan **sangat** dan diikuti oleh kata penguat belakang **sekali**, misalnya **amat pandai sekali**, **sungguh kurus sekali** dan **sangat baik sekali**.

Sekali lagi diingatkan bahawa yang terlibat dalam binaan ini ialah kata penguat bebas (**amat**, **sangat**

dan **sungguh**) di hadapan kata adjektif dan kata penguat belakang **sekali**. Deretan dua jenis kata penguat ini menimbulkan maksud darjah penghabisan.

Pada amnya, bentuk kata adjektif dengan darjah penghabisan ini mengelirukan oleh sebab jumlahnya banyak, iaitu lima kesemuanya. Yang turut mengelirukan ialah kehadiran dua jenis penanda, iaitu pertama, penanda darjah penghabisan yang jati seperti bentuk *se-* + penggandaan (**sependai-pandai**), awalan *ter-* dan perkataan **paling**, dan kedua kata penguat yang membawa maksud darjah penghabisan, iaitu **sekali** yang hadir selepas kata adjektif dan **amat**, **sangat**, dan **sungguh** yang walaupun bersifat bebas, dalam kes ini hadir sebelum kata adjektif dan boleh pula menerima awalan *ter-* dan kata penguat sekali.

Apabila aspek-aspek ini difahami, persoalan darjah penghabisan mungkin tidak begitu mengelirukan.

### GLOSARI PASARAN MODAL

#### kontrak niaga hadapan

(future contract)

Kontrak yang seragam didagangkan di bursa membeli atau menjual sesuatu aset pada masa akan datang yang harga dan tarikhnya ditentukan pada masa sekarang.

#### bon emas

(gold bond)

Bon yang biasanya diterbitkan oleh syarikat perlombongan emas. Bayaran faedah bon ini disandarkan kepada harga emas.

#### standard emas

(gold standard)

Sistem penentuan nilai mata wang sesebuah negara bersandarkan nilai emas.

#### pasaran berat

(heavy market)

Keadaan dalam pasaran sekuriti apabila penjual lebih banyak daripada pembeli sehingga mengakibatkan kejatuhan harga.

#### ambil alih paksa

(hostile take over)

Pengambilalihan sesebuah syarikat oleh syarikat yang lain tanpa persetujuan syarikat yang diambil alih.

#### wang panas

(hot money)

Wang pelaburan aliran dana jangka pendek yang dapat dibawa keluar pada bila-bila masa.

#### aset tak ketara

(intangible asset)

Aset yang tidak mempunyai ciri-ciri fizikal seperti paten dan tanda niaga.

#### pembuat pasaran

(market maker)

Peniaga yang bersedia untuk menjual atau membeli sesuatu sekuriti pada bila-bila masa berasaskan harga yang ditentukan olehnya.

Azizul Ismail

### BAHASA SUKUAN

#### BINGAL

**B**ingal ialah kosa kata suku kaum Bisaya yang bermaksud pipi. Kata **bingal** diucapkan dalam dua suku kata, bi-ngal. Contoh penggunaan: **Bingal** adik merah digigit nyamuk.

Oleh Noorzanani Kata

### KATA KLASIK

#### PENJURIT

**T**akrif: perajurit.  
Contoh penggunaan: *Jika ada engkau beranak, berikanlah kepada aku buat penjurit aku.*

Oleh Wahyunah Abd. Gani

### KOSA KATA BAHARU (KATA UMUM)

#### menyemayami

bersemayam di, berkediaman di, mendiami: Hari ini hanya tinggal enam buah istana sahaja yang masih wujud dan tiada sebuah pun yang disemayami oleh raja.

#### semerta

serta-merta, tanpa berlembah-lembah: Mereka mesti bertindak balas dengan semerta.

#### serikultur (sérrikultur)

penternakan ulat sutera untuk menghasilkan sutera mentah.

#### sengit

1. hangit (berkenaan bau sesuatu seperti makanan dan rambut terbakar)  
2. tajam dan menusuk hidung (berkenaan bau bahan kimia, gas dan sebagainya).

#### berserengam

1. banyak benar, berkerumun (semut dll);  
2. tumbuh dengan tebal (bulu hidung dll).

**kebersendirian** perihal keadaan atau sifat bersendirian, privasi

Zaiton Nasir

bekerjasama untuk memanfaatkan kemajuan sains dan teknologi bagi mengembangkan bahasa kebangsaan.

YB Fadillah turut melancarkan antologi puisi *Lok Cinta* yang mengandungi 80 buah puisi, karya ahli PEKASA.

Antara tetamu yang hadir pada majlis tersebut ialah Encik Jiso Rutan, Pemangku Pengarah DBP Cawangan Sarawak, dan Datuk Salbiah Painah, Penasihat PEKASA.



SERIOUS: (Dari kiri) Dato. Aziz Deraman, YB Fadillah Yusof, Datuk Dr. Zainal Abidin Borhan dan Tan Sri Ismail Hussein